



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(Human Resources Development Berhad)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

20 November 2003

PEKELILING MAJIKAN BIL. 9/2003

**TARIKH AKHIR PENERIMAAN BORANG TUNTUTAN GERAN LATIHAN BAGI
LATIHAN YANG TAMAT DIJALANKAN DALAM TAHUN 2003**

1. TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai tarikh 27 Disember 2003 sebagai tarikh akhir penerimaan borang tuntutan geran latihan bagi latihan yang tamat dijalankan dalam tahun 2003.

2. TARIKH AKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN

- 2.1 Bagi membolehkan pembayaran balik dibuat untuk program-program latihan yang dijalankan pada tahun ini, majikan adalah diminta untuk mengemukakan borang tuntutan geran latihan lengkap dengan dokumen sokongan sebelum 27 Disember 2003 agar ianya dapat diproses oleh PSMB sebelum 31 Disember 2003 dan bayaran geran latihan dapat dilakukan pada minggu pertama bulan Januari 2004.
- 2.2 Walau bagaimanapun, bagi latihan yang tidak sempat dituntut pada tarikh tersebut disebabkan oleh masalah-masalah tertentu, majikan adalah dibenarkan untuk mengemukakan borang tuntutan geran latihan berkenaan selewat-lewatnya pada 30 Jun 2004.

3. PRA-SYARAT KELULUSAN

- 3.1 Dalam apa jua keadaan, kelulusan untuk mendapatkan bayaran geran latihan ini masih lagi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh PSMB seperti berikut:
 - (i) majikan tidak mempunyai bayaran levi yang tertunggak bagi mana-mana bulan dan segala faedah yang dikenakan ke atas levi yang lewat dibayar telah dijelaskan kecuali majikan memilih untuk mengofsetkan kedua-dua tunggakan dan faedah ini daripada geran latihan yang akan diterima;
 - (ii) borang tuntutan yang dikemukakan hendaklah diisi dengan lengkap beserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan; dan
 - (iii) mana-mana dokumen yang disertakan dalam bentuk salinan hendaklah disahkan mengikut format PSMB seperti berikut:

Salinan disahkan benar seperti yang asal. Resit/dokumen asal disimpan di pejabat untuk pentadbiran majikan dan disahkan bahawa resit/dokumen asal tidak digunakan untuk tujuan lain dari PSMB atau daru badan kewangan yang lain. Pegawai PSMB berkuasa untuk memeriksa.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____ Cop Rasmi Syarikat

4. PENUTUP

- 4.1 Majikan adalah diminta untuk mematuhi Pekeliling ini sepenuhnya bagi mengelakkan tuntutan geran latihan bagi latihan yang tamat dijalankan dalam tahun 2003 tidak dapat diluluskan untuk bayaran.
- 4.2 Tuntutan yang diterima selepas 30 Jun 2004 dianggap tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh PSMB dan tidak layak untuk menerima bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

5. PERTANYAAN

- 5.1 PSMB bersedia membantu majikan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi berkaitan dengan tuntutan geran latihan. Pegawai-pegawai yang boleh dirujuk adalah berikut:

(i) Hashim bin Mustafa
(nombor telefon : 03-20984841);

(ii) Syed Shahrul Hafeez bin Syed Halim
(nombor telefon : 03-20984864) dan;

(iii) Siti Haida binti Mohd Aini
(nombor telefon : 03-20984854)

Sekian dimaklumkan. Terima kasih

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"

"BERSAMAMU MEMBINA DAYA SAING NEGARA"

Yang ikhlas,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)

Pengurus Besar Kewangan
b.p. Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

